

KENYATAAN MEDIA

RPM MENGAGIHKAN ROYALTI KEPADA AHLI-AHLI BUAT KALI PERTAMA



Pengarah-pengarah RPM yang hadir : (dari kiri ke kanan) Aniu, Dato' Sheila Majid (Pengerusi), Ana Raffali dan Jaclyn Victor



Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pemuzik RPM: (dari kiri ke kanan) Aznan Alias, Kelly, Acis, Lembaga Pengarah, Jenny Chin, Mac Chew & Aubrey Suwito



Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pemuzik RPM bergambar bersama tetamu kehormat



Ahli-ahli RPM yang hadir bergambar bersama

24 Julai 2015, Kuala Lumpur – Hari Raya pada tahun ini menjadi lebih bermakna bagi ahli-ahli Recording Performers Malaysia Berhad (RPM) yang terdiri daripada artis rakaman dan pemuzik rakaman (“pelaku rakaman”), kerana telah menerima bayaran royalti pertama mereka pada 14 Julai 2015 lalu. Pengagihan royalti daripada RPM tersebut telah diadakan sempena Majlis Berbuka Puasa.

Majlis ini dimeriahkan dengan kehadiran artis-artis dan pemuzik-pemuzik yang dihormati dan disegani tanahair seperti Dato' Sheila Majid, Aniu, Jaclyn Victor, Ana Raffali, Dato' M. Nasir, KRU, Rohana Jalil, Azlan & The Typewriter, ManHand, DayDream, Will Ng, Coco Nantha, Sundrra, Mac Chew, Jenny Chin, Acis, Aubrey Suwito, Nan Alias, Steve Thornton, Fauzi Marzuki dan ramai lagi. Selain itu, wakil dari badan-badan utama industri muzik negara seperti Encik Norman Abdul Halim, Pengerusi Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM), Encik Darren Choy, Pengerusi Public Performance Malaysia Berhad (PPM), Dato' Freddie Fernandez, Presiden Persatuan Karyawan Malaysia (Karyawan), Encik Ramani Ramalingam, Ketua Pengawai Eksekutif RIM, Cik Chan Miew

Lan, Pengurus Besar Music Authors' Copyright Protection (MACP) Berhad dan Encik Kuan Chi Yuan, produser terkenal juga turut hadir.

Dato' Sheila Majid sebagai Pengerusi RPM dalam ucapannya menegaskan bahawa ketelusan dan keadilan perlu ada dalam proses pengagihan royalti kepada pelaku. "Adalah amat penting bagi kami untuk mengikut amalan sistem kutipan dan pengagihan terbaik demi mengekalkan ketelusan dan keadilan pada setiap masa. Ini adalah untuk memastikan pengagihan royalti dibayar kepada ahli-ahli RPM yang berhak menerimanya," kata Dato' Sheila.

Beliau menegaskan bahawa RPM ditubuhkan dengan objektif utama iaitu untuk melindungi hak-hak yang berkaitan dengan ahli-ahli RPM dengan betul, telus, sistematik dan beretika. Beliau juga menambah, "Asalkan lagu-lagu mereka dimainkan di udara, tidak kira di tempat-tempat awam atau stesen-stesen radio dan TV, RPM akan memastikan ahli-ahli kami akan mendapat pembayaran royalti bagi lagu-lagu tersebut".

Dato' Sheila Majid juga mengambil kesempatan ini untuk memperkenalkan dan mengumumkan Jawatankuasa Pemuzik RPM yang diketuai oleh pemuzik terkenal Mac Chew (Pengerusi), Jenny Chin (Naib Pengerusi) bersama-sama Aubrey Suwito, Acis, Kelly dan Aznan Alias. Jawatankuasa pemuzik ditubuhkan dengan objektif utama untuk membantu mengenal pasti dan mengesahkan penglibatan setiap pelaku di dalam rakaman dan juga membawa komitmen dan sokongan untuk memastikan proses pengagihan yang adil dan saksama kepada pelaku sampingan. Jawatankuasa Pemuzik juga akan memastikan hak rakaman pemuzik dilindungi sepenuhnya dan tidak akan terlepas pandang.

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pemuzik RPM percaya dan setuju bahawa tiada sesiapa yang lebih sesuai untuk mewakili pelaku rakaman selain daripada pelaku rakaman sendiri. Mereka berharap bahawa semua artis dan pemuzik rakaman akan bersatu padu dan memberi sokongan antara satu sama lain, bersama-sama memenuhi slogan RPM "Pelaku untuk Pelaku."

"Saya benar-benar bersyukur dan berterima kasih atas sokongan penuh daripada badan-badan utama industri muzik negara iaitu RIM, MACP, PPM dan Karyawan dan juga yang paling penting sekali adalah sokongan dan pemahaman daripada rakan-rakan artis dan ahli-ahli rakaman muzik dalam menjayakan pengagihan royalti yang pertama kali ini," kata Dato' Sheila.

"RPM juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pengguna muzik yang telah menyokong ahli-ahli RPM dengan memperolehi lesen dan membayar yuran yang sewajarnya untuk penggunaan persembahan rakaman milik ahli-ahli RPM," tambah beliau.

Royalti pada kali ini diagihkan kepada semua ahli-ahli yang layak dan berdaftar dengan RPM pada atau sebelum 31 Disember 2014. Selain daripada menerima cek royalti dan berbuka puasa di Hotel Istana, majlis ini juga merupakan satu perjumpaan meriah di kalangan artis dan pemuzik.

	Recording Performers Malaysia Berhad (RPM)
	-8-2, 8 th Floor, Block L, No. 2, Jalan Solaris, Solaris Mont' Kiara, 50480 Kuala Lumpur
	603-6207 2988
	603-6207 2901
	www.rpm.my
	info@rpm.my

Sila hubungi: Cik Shahlini T.Arasu, PR Consultant
Tel : 012-334 3042, Emel : shahlini@gmail.com